

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

RABU, 22 APRIL 2020 BH

Nasional

Penularan COVID-19

PM hargai petugas barisan hadapan

Muhyiddin rakam penghargaan, pengorbanan anggota terbabit di status FB

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, sekali lagi merakamkan penghargaan kerajaan kepada semua petugas barisan hadapan atas kerja keras dan kecekleran mereka sehingga wabak COVID-19 mampu ditangani dengan baik.

Perdana Menteri berkata, situasi terkini kes COVID-19 dalam negara menunjukkan trend penurunan adalah hasil peranan dimainkan petugas kesihatan dan anggota barisan hadapan.

Antara yang terbabit, katanya termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Suka-relawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), pelbagai agensi dan sukarelawan.

"Mereka sanggup mengambil risiko berdepan sesuatu yang cukup asing, yang tidak pernah mereka tangani sebelum ini," katanya melalui status yang dikongsi di laman Facebook beliau, semalam.

Muhyiddin juga memaklumkan, beliau turut mengadakan sidang video bersama bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh yang diketuai Pengarahnya, Dr Kuldip Kaur.

"Alhamdulillah. Mereka semua kelihatan ceria, sihat dan



Muhyiddin pada sidang video bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh di Bangunan Perdana Putra, semalam. (Foto BERNAMA)

bersemangat untuk terus bekerja membasmi penularan COVID-19.

"Mereka bersama ribuan petugas di seluruh negara adalah wira negara. Wira yang tak didendang. *Unsung heroes* yang bekerja keras sejak dari awal wabak ini dikesan.

"Pengorbanan mereka cukup besar dan tidak ternilai harganya," katanya.

Muhyiddin turut melahirkan rasa gembira apabila mendengar yang petugas di hospital berkenaan, kini sudah ada masa untuk bertemu ahli keluarga.

"Saya sampaikan kepada mereka yang dunia kini mengiktiraf

keupayaan negara dalam menangani penularan COVID-19.

"Ini semua adalah kerana peranan yang dimainkan mereka dan semua barisan hadapan dalam menjayakan langkah yang diambil kerajaan.

"Kita adalah antara yang terbaik di dunia! Terima kasih kepada semua ahli keluarga mereka kerana memahami dan merestui para *frontliners* bertugas," katanya.

Rakaman sidang video itu yang turut dikongsi, Perdana Menteri bangun memberi tepukan sebagai simbolik menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan.

Muhyiddin berkata, beliau juga

Mereka bersama ribuan petugas di seluruh negara adalah wira negara. Wira yang tak didendang. *Unsung heroes* yang bekerja keras sejak dari awal wabak ini dikesan.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

dimaklumkan sendiri bahawa bekalan peralatan perlindungan diri (PPE) di hospital kini mencukupi berbanding ketika peringkat awal kes COVID-19 dikesan.

Bagaimanapun, dalam keupayaan negara menentang COVID-19, Muhyiddin turut mengingatkan bahawa perjuangan masih belum berakhir.

"Masih banyak yang perlu kita lalui. Saya mendoakan semoga mereka terus melakukan yang terbaik dalam usaha menamatkan pandemik COVID-19 di negara kita.

"Terima kasih banyak atas pengorbanan yang diberikan," katanya.

KKM ingatkan masyarakat jaga kebersihan rumah



Orang ramai diingatkan supaya tidak mengabaikan kebersihan persekitaran rumah bagi mengelak jangkitan denggi. (Foto hiasan)

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan masyarakat agar turut berjaga-jaga terhadap jangkitan denggi, walaupun ketika ini negara sedang berdepan dengan penularan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata masyarakat perlu sentiasa memastikan kebersihan rumah dan kawasan persekitaran, supaya kes denggi ini dapat diturunkan.

"Denggi masih menular dalam komuniti kita. Kita sarankan, pastikan buat pembersihan di perumahan dan persekitaran.

"Selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apabila kembali ke pejabat, mereka perlu pastikan persekitaran bersih daripada jangkitan atau pembiakan

nyamuk di kawasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika mengulas kebimbangan rakyat ketika ini yang tertumpu kepada COVID-19, sedangkan kes denggi masih berlaku di negara ini.

Dalam kenyataan berasingan, KKM melaporkan 1,172 kes demam denggi dengan tiga kematian berlaku di seluruh negara dalam tempoh seminggu di antara 12 April sehingga 18 April lalu, meningkat 4.5 peratus daripada minggu sebelumnya iaitu 1,121 kes.

Daripada kes itu, Selangor mencatat jumlah kes tertinggi dengan 596 kes, diikuti dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya (151 kes), Johor (123 kes), Perak (62 kes) dan Negeri Sembilan (54 kes).

Negeri lain, Sabah mencatat 50

kes, Pahang (37 kes), Kelantan (33 kes), Melaka (29 kes), Sarawak (20 kes), Kedah (9 kes), dan masing-masing empat kes di Pulau Pinang dan Terengganu. Perlis dan Labuan tidak merekodkan sebarang kes baharu.

Statistik juga menunjukkan dalam tempoh berkenaan, sebanyak dua kes kematian akibat demam denggi dicatatkan di Selangor; dan satu kematian dilaporkan berlaku di Johor.

Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dicatatkan dalam tempoh 16 minggu antara 29 Disember 2019 sehingga 18 April lalu adalah sebanyak 37,701 kes dengan 9 peratus atau 3,742 kes berbanding 41,443 kes dengan 65 untk jangka masa sama tahun lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NASIONAL

BH RABU, 22 APRIL 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

Tamat PKP jika memenuhi 6 kriteria

Ancaman kes import perlu diberi perhatian elak penularan kembali aktif

Putrajaya: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hanya boleh ditamatkan selepas memenuhi enam kriteria.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata walaupun belum dipastikan sama ada PKP akan ditamatkan pada 28 April ini atau dilanjutkan, dua perkara paling penting dijadikan pertimbangan ialah kawalan sempadan dan pergerakan.

Tanpa kawalan sempadan, katanya, kes import dengan sendirinya akan membawa virus memasuki negara ini.

Sebelum ini, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengesan 95 kes import dalam kalangan rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara iaitu 68 orang pulang dari Indonesia, 12 dari United Kingdom (UK), lima dari Singapura, empat dari Turki, tiga dari Belanda, dua dari Amerika Syarikat (AS) dan seorang dari Perancis.

"Kalau tidak ada kawalan sempadan, kes import boleh membawa virus itu ke negara kita, maka kita perlu memperketatkan kawalan sempadan."

"Aspek kedua ialah kawalan

pergerakan, kita mahu mengurangkan kebolehjangkitan kuman. Sekarang kita ada 2,471 kes positif yang kebolehjangkitan itu tinggi dan kita kena sekat virus ini daripada menjangkiti orang ramai.

"Contohnya kalau kita duduk di rumah. Walaupun kita ada 2,471 kes, kita akan asingkan mereka di hospital, kita akan pastikan mereka tidak menjangkiti orang lain," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Jika itu boleh dikawal, Dr Noor Hisham berkata, ada pertimbangan untuk PKP ditamatkan.

Kriteria ketiga, katanya, adalah untuk memperkasa dan memantapkan sistem kesihatan ne-

gara, membabitkan hospital COVID-19, wad dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

Beliau berkata, antara perkara yang perlu dicapai termasuk meningkatkan keupayaan makmal mengesan jangkitan dalam tempoh lebih pantas berbanding antara 24 jam hingga 48 jam ketika ini.

"Faktor keempat, kita perlu melindungi mereka yang berisiko tinggi seperti golongan berusia, orang kelainan upaya (OKU), mereka yang perlu menjalani rawatan kemoterapi serta mempunyai penyakit komorbiditi.

"Kelima, rakyat perlu bersama kita mengamalkan normal baharu contohnya penjarakan, cuci tangan dan mengelakkan perhimpunan.

"Kriteria keenam ialah kita perlu melihat bagaimana komuniti dapat bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan langkah pencegahan dalam komuniti itu," katanya.

Beliau berkata, KKM akan berbincang bagaimana untuk mengesan warga asing yang memasuki negara ini selepas PKP ditamatkan kelak bagi memastikan mereka bebas jangkitan COVID-19.

"Kalau kita ada kaedah penyiasatan bagus yang dapat mengesan mereka tiada virus, itu tiada masalah.

"Bagaimanapun, kita tak dapat mengesan mereka, jadi kita kena kuarantin mereka selama 14 hari," katanya.

KKM akan berbincang bagaimana untuk mengesan warga asing yang memasuki negara ini selepas PKP ditamatkan kelak bagi memastikan mereka bebas jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
 Ketua Pengarah Kesihatan

57 kes positif baharu, 54 pulih

Putrajaya: Sebanyak 57 kes baharu COVID-19 dicatatkan semalam, menjadikan jumlah kes positif jangkitan itu di negara ini adalah 5,482 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 54 kes pulih direkodkan, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih dan dibenarkan discaj setakat ini adalah 3,349 kes iaitu 61.1 peratus.

"Justeru, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 2,041 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 57 kes yang direkodkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 18 kes adalah kes import daripada warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara, manakala 39 kes lagi adalah kes penularan tempatan.

"Sehingga kini, sebanyak 43 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, 27 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, tiga kes kematian direkodkan semalam akibat jangkitan wabak itu, menjadikan jumlah kematian setakat ini adalah 92 kes.

Beliau berkata, kes kematian ke-90 (kes ke-2,050) membabitkan wanita warga tempatan berusia 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Beliau adalah ibu kepada kes ke-2,053 (yang turut mempunyai gejala pada hari yang sama). Wanita itu dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 27 Mac lalu dan disahkan meninggal dunia pada 20 April jam 1.47 tengah hari.

"Kes kematian ke-91 membabitkan lelaki warga tempatan berusia 69 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, lelaki itu dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 6 April lalu dan disahkan meninggal dunia jam 2.28 pagi semalam.

"Kes kematian ke-92 (kes ke-5,332) adalah lelaki warga Malaysia berusia 92 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan dementia.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes ke-4,711 Beliau dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 8 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada 21 April jam 1.30 pagi," katanya.


Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes harian menunjukkan trend penurunan yang amat memberangsangkan sejak beberapa hari lalu, namun sejumlah kes positif COVID-19 dikesan membabitkan rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara.

"Dalam tempoh lebih dua minggu sejak 3 April lalu, seramai 12,160 rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara dikuarantin. Daripada jumlah itu, seramai 7,910 individu sudah diambil sampel dan 77 kes positif COVID-19 dikesan," katanya.

Selain itu, katanya, ujian pengesanan COVID-19 akan diambil daripada semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (pneumonia) dan setakat ini 56 kes positif daripada 2,669 sampel yang diambil, yang mana 2.1 peratus daripada sampel itu adalah kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

TABURAN KES COVID-19 21 APRIL 2020

(Setakat 12 tengah hari)



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

8

RABU, 22 APRIL 2020

Nasional

Penularan COVID-19

Pengendali e-bazar Ramadan perlu ikut peraturan KKM

Penghantar makanan GanuShop tak perlu suntikan anti tifoid

Kuala Terengganu: Penghantar makanan GanuShop tidak perlu mendapatkan suntikan anti tifoid untuk beroperasi sepanjang Ramadan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) negeri, Ahmad Farhan Abdul Kadir mengesahkan, Jabatan Kesihatan negeri memutuskan mereka boleh beroperasi tanpa mendapatkan suntikan vaksin.

Bagaimanapun, penghantar makanan diarah sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk mengikuti panduan keselamatan ketika penyerahan makanan.

"Antara panduan perlu dipatuhi adalah mengekalkan jarak satu meter daripada pelanggan, sentiasa memakai topeng muka serta elakkan bersentuhan ketika penyerahan makanan.

"Keputusan ini dicapai pada mesyuarat Jawatankuasa Bencana peringkat negeri semalam (kelmarin)," katanya ketika ditemui semalam.

Ahmad Farhan juga mengesahkan peralatan digunakan penghantar makanan termasuk bekas mengisi makanan juga tidak perlu disanitasi dengan semburan kimia seperti digunakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada operasi nyah cemar.

Ketika diminta mengulas berkaitan peniaga atau pengendali makanan, Ahmad Farhan berkata, peniaga makanan perlu mengemukakan sijil pengesahan kesihatan termasuk bukti sudah mendapat suntikan vaksin ketika membuat pendaftaran melalui aplikasi GanuShop.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Nor Azimi Yunus ketika dihubungi menjelaskan penghantar makanan tidak perlu mendapatkan suntikan anti tifoid dan menghadiri latihan pengendali makanan.

"Jabatan Kesihatan negeri sudah mendapatkan pengesahan daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan dan mengesahkan penghantar makanan tidak perlu mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Sementara itu di Alor Setar, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat Berkaitan Kerajaan negeri, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata semua pengendali e-bazar Ramadan termasuk penghantar makanan di negeri ini, dikehendaki mendapatkan suntikan vaksin anti tifoid.

"Saya difahamkan, kerajaan negeri sedang meneliti cara agar pengusaha makanan e-bazar Ramadan bekerjasama dengan penghantar makanan daripada syarikat berdaftar sahaja," katanya.

Syarat mesti dipatuhi dalam aspek pengendalian makanan

Putrajaya: Pengendali e-bazar Ramadan perlu mengikut peraturan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan termasuk mendapatkan suntikan vaksin anti tifoid.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peraturan itu sudah sedia digariskan dan ia adalah syarat yang mesti dipatuhi dalam aspek pengendalian makanan.

"Kalau mereka kendalikan makanan, pasti kena ikut peraturan yang diberi Kementerian Kesihatan termasuk suntikan tifoid dan sebagainya.

"Kita ada peraturan dan mereka perlu mematuhi," katanya di sini, semalam.

BH semalam melaporkan, peniaga makanan yang mengambil peluang menjana pendapatan ketika Ramadan melalui e-bazar bukan saja dikehendaki mendaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), malah perlu mengambil suntikan tifoid supaya tiada jangkitan penyakit bawaan makanan dilaporkan.

Kebimbangan itu berikutan tidak semua perniagaan e-bazar berdaftar, selain tiada pengawasan dibuat terhadap tukang masak atau penghantar makanan.

Daftar peniaga e-bazar, wajibkan suntikan tifoid



Keratan akhbar BH semalam.

Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata ia penting ketika

negara berdepan krisis kesihatan COVID-19 ketika ini bagi mengelakkan keadaan bertambah parah dengan jangkitan penyakit lain.

Suntikan tifoid prasyarat penting

Kuala Lumpur: Saranan mewajibkan peniaga e-bazar Ramadan mengambil suntikan vaksin anti tifoid adalah langkah terbaik dalam mengesakan penularan penyakit lain.

Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata adalah sangat penting peniaga makanan untuk melalui satu proses menentukan produk yang dikeluarkan mematuhi syarat asas kebersihan demi kepentingan orang ramai.

Katanya, ada kalangan peniaga makanan yang kurang sensitif mengenai aspek kebersihan sebagai disiplin dalam kehidupan dan tidak menjadikan ia satu amalan.

"Kebanyakan peniaga kurang menitikberatkan kebersihan yang mana bagi peniaga beragama Islam contohnya, mereka perlu memahami maksud suci, tetapi malangnya kebersihan itu sendiri pun diabaikan.

"Jadi, untuk memastikan kebersihan itu menjadi keutamaan, kita kena sahut seruan kerajaan untuk menjadikan budaya baharu sebagai kebiasaan dalam kehidupan ini.

"Kebersihan ini sebagai satu asas untuk membina sebuah negara, contohnya seperti negara Jepun di mana rakyatnya mampu mendisiplinkan diri dalam kebersihan dan negara mereka maju," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Melalui kebersihan ini juga semua pihak dapat menjaga ran-



Jadi, untuk memastikan kebersihan itu menjadi keutamaan, kita kena sahut seruan kerajaan untuk menjadikan budaya baharu sebagai kebiasaan dalam kehidupan ini.

Nadzim Johan,
Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia

tajan kehidupan antara masyarakat dan terjaga daripada sebarang penyakit yang tidak diinginkan.

"Justeru, sewajarnya tidak kira sesiapa pun, apabila menjadi peniaga makanan, kesedaran mengenai kepentingan kebersihan dan mengambil suntikan tifoid ini perlu.



Saranan suntikan anti tifoid yang wajib diambil peniaga makanan sangat dialukan, namun dalam negara berdepan COVID-19 ini, ia dilihat agak sukar dilaksanakan.

Mohamed Zamri Mohammed,
Setiausaha Agung GPPPKMM

"Kita mesti jaga kita dan semua orang mendapat kebaikan dalam budaya baharu ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM), Mohamed Zamri Mohammed, berkata saranan suntikan anti tifoid yang wajib diambil peniaga ma-

kan sangat dialukan, namun dalam keadaan negara berdepan pandemik COVID-19 ini, ia dilihat agak sukar untuk dilaksanakan.

Ketika ini, ramai peniaga kecil-kecilan mencari peluang menerusi e-bazar, namun dengan peraturan baharu yang mungkin diwujudkan itu, ia seolah memberi satu halangan kepada kelompok peniaga terbabit.

"Peniaga yang tidak pandai menggunakan aplikasi teknologi maklumat, mula belajar dan ia memberi satu rangsangan kepada mereka, namun ketika ini berilah sedikit kelonggaran dalam peraturan itu.

"Selepas ini mungkin boleh diperhalusi semula. Tambahan pula kos untuk membuat saringan dan suntikan tifoid itu dianggarkan mencecah hingga RM300," katanya yang turut akan melancarkan platform Warung Digital bagi membantu peniaga makanan pada Ramadan ini.

Pada masa yang sama, beliau menjelaskan, peniaga yang sudah membayar wang pendahuluan untuk tapak bazar Ramadan, akan menerima wang mereka hingga akhir bulan ini.

"Kita turut menceadangkan supaya wang pendahuluan itu dibawa ke tahun hadapan dan tidak menyusahkan semua pihak. Namun terpujang kepada peniaga untuk menerima cadangan berkenaan.

"Bagaimanapun, wang mereka akan dipulangkan hingga akhir bulan ini mengikut prosedur yang betul," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

2A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Rabu 22.04.2020 | Harian Metro

lokal

HARI JADI DR NOOR HISHAM

NAMA UNGGULI CARTA TRENDING

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ribuan ucapan selamat, doa dan harapan ditujukan khas kepada Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah sempena sambutan ulang tahun kelahiran beliau ke-57, semalam.

Noor Hisham dilahirkan pada 21 April 1963 dari Sepang, Selangor itu adalah individu berperanan besar menangani pandemik Covid-19 di negara ini.

Nama beliau berada di tangga pertama carta sohor kini (*trending*) di Malaysia dengan tanda pagar #HappyBirthdayDGHisham.

Ucapan dan harapan itu bukan saja disampaikan petugas kesihatan, tetapi juga rakyat negara ini menerusi akaun Facebook dan Twitter dengan mendoakan beliau sentiasa dirahmati dalam mengharungi cabaran melanda negara ketika ini.

Mereka antara lain mendoakan beliau dimurahkan rezeki dan dilindungi serta dipermudahkan urusan dalam memerangi penularan wabak berkenaan.

Dalam ciapan di Twitter,

Amalinamohamed mengucapkan "terima kasih atas kesungguhan serta kredibiliti diberikan. Selamat ulang tahun Datuk Dr Noor Hisham Abdullah."

Begitu juga halemyroslee mengucapkan "Selamat hari lahir. Semoga diberikan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan berbahagia bersama keluarga tersayang. Terima kasih atas jasa dan pengorbanan dalam melawan Covid-19."

Selain itu, HananiCheMat "Saya berjanji akan ikut arahan PKP sebaik mungkin. Saya akan duduk rumah seperti yang Dr minta sebagai hadiah birthday hari ini. Thank you for being our hero, May Allah bless you and family. Together we fight this Covid-19 pandemic."

Kelmarin, Noor Hisham menyeru rakyat Malaysia kekal duduk di rumah sebagai hadiah bermakna buat beliau ketika negara dilanda krisis pandemik Covid-19 ini.

Dalam ucapan ringkas selepas sidang media hatian Covid-19 di Putrajaya kelmarin, beliau berkata; "Sempena hari jadi saya esok (semalam), hadiah paling istimewa untuk saya ialah kalau boleh rakyat Malaysia kekal duduk di rumah dan amalkan kebersihan yang tinggi."

Sebelum ini, Noor Hisham diiktiraf setaraf dua lagi tokoh perubatan, Dr Anthony Fauci dari Amerika Syarikat dan Dr Ashley Bloomfield (New Zealand) sebagai 'wajah paling dipercayai' khususnya dalam menangani Covid-19.

Beliau dan dua lagi tokoh perubatan itu mendapat pengiktirafan media China serta menggelar mereka sebagai penyampai kebenaran dan wira dunia.

NUR Aisyah Humayraa Norazizi, 13, (kiri) bersama keluarganya memunjukkan ukiran kayu gambar Datuk Dr Noor Hisham Abdullah di Taman Bandar Serawang, semalam. Oleh kerana berkesani tarikh lahir yang sama dengan Dr Noor Hisham, dia memilih untuk menahadiahkan ukiran kayu gambar itu sebagai tanda penghargaannya sebagai adiwira Malaysia yang kini bekerja keras mengesahkan penularan wabak Covid-19. Gambar AZRUL EDHAM MOHD AMIN/DBIN



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Rabu 22.04.2020

@hmetromy | HarijanMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my | A3

lokal

TERUS PATUHI PKP!

Penurunan kes bukan alasan langgar arahan kerajaan

Oleh Suraya Roslan dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rakyat Malaysia tidak seharusnya mengambil kesempatan melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selepas berlaku trend penurunan kes baharu Covid-19 sejak beberapa hari lalu.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, meskipun kes positif Covid-19 menunjukkan trend penurunan ia tidak bermakna rakyat boleh leka dengan mengingkari arahan PKP.

"Kerjasama dan kepatuhan semua masih diperlukan dalam usaha untuk memerangi dan

memutuskan rantaian wabak Covid-19.

"Seperti diumumkan Ketua Pengarah Kesihatan (Datuk Dr Noor Hisham Abdullah) semalam, kes baharu positif Covid-19 merekodkan 36 kes dan tiada kematian, orang ramai mula merasakan perlu dilonggar segala sekatan PKP ini.

"Saya harap selagi PKP tidak ditamatkan dan prosedur operasi standard (SOP) baharu tidak diperkenalkan oleh kerajaan, pematuhan terhadap PKP harus dikekalkan dan masih tanggungjawab bersama," katanya.

Tegasnya, terdapat negara yang berjaya mengawal jangkitan Covid-19 dan melonggarkan PKP mereka.

"Bagaimanapun, akhirnya terdapat peningkatan

mendadak selepas pelanggaran itu dan kerajaan perlu mengambil iktibar daripada pengalaman negara berkenaan.

"Kita ambil iktibar pengalaman negara berkenaan, sesetengah negara menunjukkan tiada kes baharu namun sebaik mereka melonggarkan PKP, kes baharu naik mendadak, kita tidak mahu keadaan seperti itu," katanya.

Katanya, perkembangan baik mengenai kes baharu menunjukkan trend penurunan perlu dijadikan perkara positif, tetapi orang ramai masih tertakluk untuk mematuhi arahan kerajaan melalui PKP fasa ketiga itu.

"Berdasarkan laporan hari ke-37 dan genap seminggu PKP fasa ketiga dilaksanakan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengadakan 824 Sekatan Jalan Raya di seluruh negara dan melakukan pemeriksaan ke atas 603,314 kenderaan

manakala 52,380 pemeriksaan mengejut diadakan di seluruh negara, semalam.

"Hasilnya, polis menahan 946 individu berbanding 1,174 individu hari sebelumnya atas kesalahan ingkar PKP merangkumi 822 individu direman dan 124 individu dijamin polis.

"Daripada 946 individu yang ditahan, 433 ditahan di zon merah kerana ingkar arahan PKP manakala 101 individu juga dituduh di mahkamah semalam," katanya.

Menurutnya, jumlah tangkapan kumulatif ingkar PKP berjumlah 16,870 individu sehingga kelmarin.

"Tolong patuhi PKP atau tindakan tegas akan diambil polis," katanya.

Pematuhan terhadap PKP harus dikekalkan dan masih tanggungjawab bersama
Ismail Sabri



Bukan main banyak pula kenderaan

Rawang: Apa sudah jadi apabila orang ramai seolah-olah tidak akur dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ke tiga di daerah ini.

Ia terbukti apabila tinjauan mendapati aliran trafik sesak dan bergerak sangat perlahan menuju bandaraya Kuala Lumpur pagi ini bermula dari bandar Rawang.

Kesesakan trafik luar biasa berlaku sepanjang lebih lima kilometer bagi melepasi sekatan jalan raya polis bertugas di Batu 16 di sini. Salah seorang penduduk, Hazali Bakar, 45, berkata, aliran trafik lebih baik dan terkawal kelmarin berbanding semalam.

Katanya, ramai pengguna memilih ke Selayang dan Kuala Lumpur untuk membeli keperluan harian menyambut awal Ramadan, Jumaat ini.

"Saya hairan melihat keadaan ini. Penduduk kita lebih suka keluar lebih jauh untuk membeli barangan keperluan harian. Mereka sepatutnya berada di rumah membantu mencegah penularan wabak Covid-19



ALIRAN trafik sesak susulan sekatan Jalan raya di Lebuhraya Persekutuan 1, Ipoh ke Kuala Lumpur di Batu 16.

ketika ini.

"Rumah saya berdekatan jalan utama di sini. Seawal jam 7 pagi lagi kelihatan banyak kenderaan cuba melepasi pemeriksaan polis di sini," katanya.

Penjual buah-buahan tempatan di Rawang, Muhamad Izzat Samsudin, 34, berkata, polis perlu

mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja melanggar arahan PKP ini.

Katanya, kesesakan jalan raya utama di situ membuktikan masih ramai penduduk yang

seakan-akan 'berpesta' lagi menyambut Ramadan tahun ini. "Saya yakin polis

bertindak dengan lebih tegas bagi membantu kita menangani masalah ini. Kerjasama semua pihak amat penting agar bersama membantu kerajaan melaksanakan arahan PKP ketiga ini.

"Sepatutnya penduduk membeli keperluan harian di Rawang dan Hulu Selangor bukannya ibu negara setiap hari. Mereka perlu hormat dan mematuhi arahan yang diberikan itu," katanya.

Kesesakan trafik luar biasa berlaku sepanjang lebih lima kilometer

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus berusaha mengengkang penularan wabak Covid-19 sehingga Malaysia mendapat pengiktirafan dunia.

Pada satu sidang video bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh, Muhyiddin menyifatkan pengiktirafan itu hasil daripada peranan yang dimainkan mereka dan semua barisan hadapan yang lain.

PM hargai keringat barisan hadapan

"Saya sampaikan kepada mereka yang dunia kini mengiktiraf keupayaan negara dalam menangani penularan Covid-19. Ini semua adalah kerana peranan yang dimainkan oleh mereka dan semua barisan hadapan dalam menjayakan langkah yang diambil kerajaan.

"Kita adalah antara yang terbaik di dunia! Namun, saya ingatkan bahawa perjuangan belum berakhir. Masih banyak yang perlu kita

lalui," katanya dalam hantaran menerusi laman Facebooknya, semalam.

Sidang video pagi semalam turut disertai Pengarah Hospital Sungai Buloh Dr Kuldip Kaur, Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Dr Yasmin Mohamed Gani dan tujuh anggota perubatan di pelbagai peringkat yang terlibat memerangi Covid-19 di hospital itu.

Muhyiddin berkata, situasi terkini perkembangan kes

Covid-19 dalam negara yang menunjukkan trend penurunan adalah hasil peranan dimainkan petugas kesihatan serta semua anggota barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan pelbagai agensi lain termasuk sukarelawan yang bertungkus-lumus melaksanakan tugas masing-masing.

Perdana Menteri turut menyifatkan semua mereka sebagai wira negara yang bekerja keras sejak dari awal wabak ini dikesan.

"Saya bagi pihak kerajaan sudah menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas kerja keras dan sumbangan cemerlang yang ditunjukkan mereka sehingga wabak ini mampu ditangani dengan baik.

"Mereka sanggup mengambil risiko berdepan sesuatu

yang cukup asing, yang tidak pernah mereka tangani sebelum ini," tambahnya yang turut berkongsi gambar beliau mengetahui petugas barisan hadapan sebagai simbolik menghargai pengorbanan petugas.

Muhyiddin juga melahirkan perasaan gembira apabila mengetahui petugas barisan hadapan kini sudah mempunyai masa untuk bertemu ahli keluarga masing-masing, selain berterima kasih kepada ahli keluarga petugas yang memahaminya dan merestui tugas mereka. - Bernama



Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@metro.com.my

Kuala Lumpur

Enam negara bersetuju bekerjasama dengan Malaysia dalam aspek pembangunan vaksin dan perubatan merawat pesakit Covid-19.

Menteri Luar Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merekodkan 70 vaksin Covid-19 sedang dibangunkan di mana lima entiti berada pada fasa penilaian klinikal serta terdapat negara yang berkecuali kepakaran pengeluaran perubatan yang boleh diguna pakai untuk merawat Covid-19 seperti Hydroxychloroquine (HCQ) dan anti malaria.

Katanya, hubungan baik antara Malaysia dengan negara terbabit amat berguna untuk memastikan usaha ini dapat dijayakan serta memastikan Malaysia tidak ketinggalan menerima manfaat.

"Sebagai peringkat pertama, kita sudah mendapatkan beberapa jenis perubatan untuk merawat pesakit Covid-19, sebagai contoh



HISHAMMUDDIN ketika sidang media kerjasama Mosti dan Kementerian Luar bagi mendapatkan capaian dan bekalan vaksin Covid-19 menerusi pendekatan diplomatik, semalam.

Bosnia bersetuju membekalkan HCQ kepada Malaysia, ini berdasarkan perbualan saya bersama Menteri Luar Bosnia pada 14 April lalu.

"Turki juga bersetuju supaya Menteri Kesihatan dari kedua-dua negara saling berhubung untuk memperkasakan kerjasama, ini juga berdasarkan perbincangan saya bersama Menteri Luar Turki pada minggu lalu.

"Selain itu, India memberi kelulusan eksport kepada Malaysia bagi ubat HCQ dan Malaysia juga berpotensi untuk mengadakan kerjasama melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara untuk pertukaran tenaga pakar dan kajian makmal bagi *complementary medicines*," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, beberapa syarikat dari China turut

berhasrat menjalankan ujian makmal dan percubaan klinikal bersama Malaysia dalam penghasilan vaksin.

"Russia bersedia untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan negara luar dan Malaysia mempunyai potensi melalui *Joint Malaysia-Russia Commission for Economic, Scientific, Technical and Cultural Cooperation* sebagai platform untuk kerjasama saintifik.

"Singapura juga menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi penghasilan *Biotech Research Equipment*," katanya.

Menurutnya, Malaysia juga sedang mengenal pasti untuk bekerjasama dengan negara lain yang berpotensi dalam penghasilan vaksin.

"Korea Selatan dan Amerika Syarikat kini dalam pro-

ses penghasilan anti viral vaksin dan perubatan melalui syarikat farmasi yang dikenal pasti.

"Manakala United Kingdom dan Jerman kini berada di peringkat pengujian klinikal menjelang pertengahan tahun ini," katanya.

Beliau berkata, Wisma Putra akan memastikan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) serta KKM dihubungkan dengan negara yang dikenal pasti bagi memastikan usaha berkenaan dapat dijayakan.

"Bagi usaha memerangi pandemik Covid-19, Mosti akan mengenal pasti negara yang mempunyai penyelidikan saintifik dan pembangunan vaksin terbaik.

"KKM pula berperanan meneliti kesesuaian perubatan dan vaksin bagi diguna pakai di Malaysia," katanya.

Tiga kematian baharu Covid-19 direkodkan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat tiga kematian baharu akibat pandemik Covid-19 di Malaysia, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 sebanyak 92 kes.

Mengenai bilangan kes baharu positif Covid-19, beliau berkata, sebanyak 57 kes dilaporkan semalam, menjadikan 5,482 kes keseluruhan dalam negara.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 43 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 27 memer-

lukan bantuan pernafasan.

"Bilangan pesakit yang sembuh terus meningkat. Terbaharu, seramai 54 orang sembuh.

"Ini menjadikan 3,349 pesakit atau 61.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes sembuh dan discaj dari hospital," katanya dalam sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut mengenai kematian terbaharu itu, Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-90 (Kes ke-2,050) merupakan pelepasan warganegara Malaysia berusia 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Pesakit sembuh Covid-19 boleh dijangkiti semula

Putrajaya: Tiada data dalam kertas penyelidikan setakat ini yang menunjukkan antibodi dihasilkan seseorang pesakit sembuh Covid-19 itu akan melindunginya daripada dijangkiti semula.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini laporan diterima menerusi ujian dilakukan beberapa pesakit sembuh seolah-olah positif semula selepas sembuh sebenarnya adalah dalam peringkat *virus shedding* atau peluruhan virus.

Beliau berkata, ketika ini

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan terdapat lima kes sebegini dilaporkan namun ujian mendapati ia didapati pengekangan kes positif lemah.

"Dalam keadaan ini, walaupun ujian didapati positif lemah, tetapi ia tidak menjangkiti dan itulah proses *virus shedding*. Sebagaimana saya maklumkan sebelum ini membabitkan satu kes rakyat Brunei dibenarkan pulang dan apabila kembali ke negaranya seterusnya dibuat ujian didapati positif," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

RINGKAS**Ujian swab tak batalkan puasa**

Kangar: Jawatankuasa Fatwa Perlis memutuskan ujian swab bagi mengesan individu dijangkiti Covid-19 sebagai tidak membatalkan puasa.

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin berkata, dua kaedah yang ketika ini diguna petugas Kementerian Kesihatan untuk melakukan ujian berkenaan didapati tidak membawa gambaran sebagai makan dan minum.

Katanya, kaedah memasukkan peralatan khusus ke dalam rongga hidung dan belakang anak tekak pada kadar dalam tertentu didapati bukan tindakan makan dan minum sehingga membatalkan puasa.

"Maka puasa individu yang sah secara yakin tidak boleh dianggap batal hanya kerana timbul sesuatu yang syak atau wujud sesuatu andaian.

"Pandangan yang menguatkan ujian swab tidak membatalkan puasa adalah bertepatan dengan pandangan sebahagian ulama Hanafi kerana syarat bagi sesuatu yang masuk ke rongga dalam mestilah bersifat kekal di dalamnya (rongga) serta tidak mempunyai sambungan dengan alat lain di luar badan," katanya dalam kenyataan, semalam.

9 negeri catat penambahan kes positif

Kuala Lumpur: Sembilan negeri menunjukkan pertambahan kes baharu positif Covid-19 dengan kawasan zon merah masih kekal 30 kawasan setakat jam 12 tengah hari kelmarin.

Menerusi infografik dikongsi oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam menunjukkan Selangor mempunyai 1,345 kes berbanding 1,343 kes pada hari sebelumnya.

Kuala Lumpur merekodkan peningkatan empat kes dengan jumlah terkini 1,008 kes, Putrajaya meningkat 13 kes (77), Sarawak meningkat enam kes (414), Negeri Sembilan meningkat tiga kes (408), manakala masing-masing meningkat dua kes di Melaka (187), Johor (644), Pahang (271) dan Sabah (308).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

6A www.hmetro.com.my @hmetromy HariMetro @hmetromy

Rabu 22.04.20

lokal



**PANDEMI
COVID-19**

Oleh Yun Mikail
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Sebanyak 249 kes positif Covid-19 di Sabah tidak mempunyai gejala pada peringkat awal.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Christina Rundi berkata, jumlah berkenaan sebahagian daripada 293 kes yang sudah dianalisa.

"Situasi berkenaan amat membimbangkan kerana individu ini berpotensi untuk menjangkiti kontak rapat tanpa disedari.

"Oleh itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) sentiasa menekankan kepentingan kuarantin bagi individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar atau dalam negara dalam usaha membendung penularan Covid-19.

"Langkah ini dapat memutuskan rantaian jangkitan agar virus tidak merebak dan menjangkiti

Tiada gejala awal

249 kes positif berpotensi jangkiti kontak rapat tanpa disedari

“Langkah ini dapat putus rantaian jangkitan tak merebak
Dr Christina Rundi



KOMANDER Pasukan Polis Marin Wilayah Empat Sabah ACP Mohamad Pajeri Ali (kanan) melihat anggota polis marin memeriksa sebuah bot nelayan sewaktu menyertai rondaan di perairan Sandakan, semalam. Pasukan Polis Marin meningkatkan rondaan di perairan pantai timur Sabah terutama di daerah Sandakan, Lahad Datu dan Semporna dengan menempatkan sebanyak 15 bot ronda dengan kekuatan 250 anggota untuk memastikan perairan yang bersempadan dengan Filipina bebas dari jenayah rentas sempadan dan penduduk di pulau bertampiran mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

orang lain," katanya, semalam.

Dalam perkembangan lain, Dr Christina berkata,

pihaknya masih mengesan kes Covid-19 dalam kalangan individu yang mempunyai sejarah pergerakan

ke luar negara seperti Thailand, Indonesia dan United Kingdom selain masih wujud kes penula-

ran wabak sama yang dilaporkan menerusi sejarah perjalanan ke Semenanjung.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Frontliners diiktiraf dunia

Muhyiddin zahir penghargaan kepada petugas barisan hadapan

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus berusaha mengekang penularan wabak koronavirus (Covid-19) sehingga Malaysia mendapat pengiktirafan dunia.

Pada satu sidang video bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh, Muhyiddin menyifatkan pengiktirafan itu hasil daripada peranan yang dimainkan mereka dan kesemua barisan hadapan yang lain.

"Saya sampaikan kepada mereka yang dunia kini mengiktiraf keupayaan negara dalam menangani penularan Covid-19. Ini semua adalah kerana peranan yang dimainkan oleh mereka dan semua barisan hadapan dalam menjayakan langkah yang diambil kerajaan.

"Kita adalah antara yang terbaik di dunia! Namun, saya ingatkan bahawa perjuangan belum berakhir. Masih ba-



Muhyiddin memberikan kata-kata semangat kepada petugas barisan hadapan ketika melakukan satu sidang video bersama petugas kesihatan Hospital Sungai Buloh di Bangunan Perdana Putra semalam.

